

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23

N35 BATU UBAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera semua.

Saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya berucap.

Ucapan saya pada hari ini akan diterjemahkan mengenai 2 tema mahupun isu utama yang sangat penting untuk diambil perhatian iaitu:

- **Mengurangkan aktiviti merokok di kalangan anak muda; dan**
- **Memperketatkan tindakan rasuah dikalangan nelayan di Pulau Pinang.**

Mengurangkan Aktiviti Merokok Di Kalangan Anak Muda

Aktiviti merokok bukan lagi asing daripada rakyat Malaysia lagi-lagi kepada anak muda Malaysia. Kajian telah dibuat oleh pengamal perubatan Negara Malaysia mengenai kematian perokok. Secara pengiraan purata didapati bahawa 27000 kes kematian yang dibabitkan dengan aktiviti merokok.

Dijangkakan bahawa kerajaan akan membelanjakan RM7.4 billion hanya untuk rawatan punca utama merokok seperti pembedahan jantung, serangan jantung, tekanan darah yang kritikal, kanser paru dan jantung koronari menjelang tahun 2025. Pulau Pinang sedang berusaha untuk mencapai matlamat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri bebas asap rokok dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) bercadang untuk mewartakan satu zon larangan merokok di setiap daerah pada Ogos 2022.

Banyak program intervensi sudah dilakukan untuk mengatasi gejala yang tidak sihat ini tetapi masih tidak mendapat perubahan yang baik. Jumlah perokok masih banyak dan kos perawatan perokok masih meningkat. Hal ini menjadi lebih membimbangkan

apabila anak muda bukan sahaja lelaki tetapi perempuan juga menjadi ketagih dalam penggunaan rokok elektronik dan yang lebih popular dikalangan rakyat ialah 'VAPE'. Dipercayai bahawa vape ini dijadikan sebagai rawatan yang enteng dalam ketagihan mereka pada rokok tradisional. Kaedah ini tidaklah efisien kerana kandungan cecair peranti vape ataupun dikenali sebagai e-liquid mempunyai kepekatan nikotin yang jelas dan akhirnya dapat membawa ketagihan yang parah dan akan menjebakan lagi individu tersebut ke hal yang lebih parah seperti dadah. Segala hal yang dikemukakan di atas juga boleh membahayakan dan merencatkan bukan sahaja jantung dan paru-paru malahan juga bahagian otak yang mengawal tumpuan, pembelajaran, mood dan kawalan impuls.

Memperketatkan Peraturan Bagi Kegiatan Kongsi Gelap Di Pulau Pinang

Pada 25 Februari 2023, didapati bahawa terdapat kesalahan kongsi gelap antara nelayan, bos nelayan dan beberapa jawatankuasa yang tidak ada nilai integriti yang telah berkerjasama dan juga telah dibongkarkan oleh salah satu pekerja nelayan di Pulau Pinang.

Terdapat kesalahan yang kerap dilakukan oleh pengusaha bot atau tekong nelayan tempatan antaranya ialah melanggar syarat lesen yang sah, pendatang asing tanpa izin (PATI) menggunakan vesel dan menangkap ikan di zon yang tidak dibenarkan. Semua kesalahan ini telah mengundang gejala rasuah apabila berlaku 'tawar menawar' bagi menyelesaikan kes tanpa dibawa ke mahkamah atau didakwa mengikut Akta Perikanan 1985.

Ada juga rasuah diberikan oleh bos yang menggaji pendatang haram seperti Rohingya sebagai nelayan atau penjaga sangkar ikan. Tindakan yang dilakukan itu tidak ubah seperti penjenayah yang melindungi PATI. Persatuan Nelayan Kawasan Pulau Pinang pernah membuat aduan berhubung isu ini berikutan jumlah nelayan asing semakin meningkat di negeri Pulau Pinang, tetapi malangnya tiada tindakan tegas diambil bagi membendung nelayan asing yang semakin ramai terutamanya di Teluk Kumbar.

Kegiatan kongsi gelap juga berlaku di lautan iaitu terhadap bot nelayan yang menggunakan pukot tunda di kawasan zon diharamkan. Kasihan kepada nelayan

persisir pantai apabila spesies ikan kecil seperti gelama, kerisi, udang, dan ketam habis 'dikaut' bersih dengan pukot tunda yang mengakibatkan jumlah tangkapan semakin

Pukat ini merosakkan ekosistem laut seperti kawasan habitat ikan dan menjejaskan pendapatan nelayan tempatan. Sebelum ini beribu nelayan pesisir pantai hilang mata pencarian selepas zon tangkapan mereka diceroboh bot pukot tunda dan haasil tangkapan mereka merosot lebih 50 peratus.

Sekian, terima kasih.

Viona Putri Alizzcia bt Mohd Ali Makenderan

N35 Batu Uban

Sidang Muda 2022/23

